

28/01/2000

`Ada pihak dengki BSKL'

Abdul Halim Yusof

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berkata ada orang yang tidak suka dengan peningkatan pasaran saham, pertumbuhan ekonomi yang elok dan keadaan negara stabil dengan mengada-adakan cerita bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang sakit di luar negara.

"Yang jadi masalah sekarang adalah pasaran sering membuat khabar-khabar angin untuk menjejaskan sentimen.

"Perdana Menteri sihat dan saya sering berhubung dengan beliau. Beliau sedang seronok bercuti," katanya selepas merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (Seacen) di Sri Kembangan, Selangor, semalam.

Hadir sama Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Timbalan Gabenor, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz.

Daim berkata, Perdana Menteri akan berlepas ke Paris dari London esok untuk bertemu Presiden Perancis, Jacques Chirac.

"Selepas itu beliau akan kembali dan akan mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet minggu depan," katanya.

Sejak seminggu lalu timbul khabar angin di pasaran bahawa Perdana Menteri sedang sakit dan mendapat rawatan di luar negara kerana terjatuh dari kuda.

Perdana Menteri sedang bercuti di Argentina dan kepulauan Caribbean.

Kelmarin, di Kota Kinabalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menangkis khabar angin itu.

Khabar angin itu menyebabkan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur terjejas sedikit kelmarin.

Sementara itu, ditanya sama ada ada kemungkinan kerajaan akan mengubah tambatan ringgit dengan dolar Amerika Syarikat dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kerana kemungkinan tekanan inflasi tahun ini, Daim berkata; "Tidak."

Mengenai penggabungan bank, Daim berkata, Bank Negara akan membuat pengumuman selepas 31 Januari ini. Bank Negara menetapkan 31 Januari sebagai tempoh akhir untuk bank mengemukakan rakan penggabungan mereka.

Ditanya berapa lama selepas 31 Januari, Bank Negara akan membuat pengumuman perkembangan penggabungan itu, Daim berkata; "Bergantung kepada sejauhmana rumitnya rancangan penggabungan berkenaan.

(END)